

Mabul lebih hijau



UNCLE Chang's Sipadan Mabul Dive Resort mula mengorak langkah mengamalkan program kitar semula dan pengurusan mesra alam.



DR. AINI IDERIS melihat perhiasan hasil inovasi pelajar SK Pulau Mabul pada program Pemerkasaan Industri Inisiatif Go Green UPM bersama Uncle Chang's Sipadan Mabul Drive Resort.

PELAJAR SK Pulau Mabul dibimbing cara-cara menghasilkan baja kompos oleh pelajar UPM.

KEINDAHAN Pulau Mabul yang terletak kira-kira sejam perjalanan menggunakan bot laju dari Semporna, Sabah sewajarnya seiring dengan gambaran bahawa tidak ada sampah yang menjolok mata akibat sikap yang tidak bertanggungjawab segelintir masyarakat di situ yang dianggarkan 3,000 orang. Seperti yang dikongsikan oleh Guru Besar Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Mabul, **Hassan Mat**, 51, kesedaran dalam kalangan penduduk betapa pentingnya program kitar semula dapat mengelakkan pulau berkenaan daripada masalah lambakan sampah yang boleh menjejaskan nama pulau berkenaan pada mata pelancong.

Justeru itu, beliau mengambil inisiatif melibatkan pelajar yang dididik dan dibimbing oleh penyelarar Go Green menerusi siri

program hijau bersama SK Pulau Mabul dan program kesedaran pelajar bersama *School Of Hope* sebelum akhirnya menyertai program Pemerkasaan Industri Inisiatif Go Green Universiti Putra Malaysia (UPM) bersama Uncle Chang's Sipadan Mabul Dive Resort di pulau berkenaan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi. Beliau berkata, sekolah berkenaan mempunyai 215 pelajar selain 41 prasekolah serta 19 orang guru yang terlibat dalam pelbagai pengisian program kesedaran mengenai alam sekitar.

Katanya, antara pengisian tersebut termasuklah cara pembuangan sampah yang betul, cara membuat baja kompos dan menghasilkan pelbagai inovasi daripada botol plastik terbuang seperti sarang burung, Menara Kuala Lumpur, KLCC, sampan, pasu dan sebagainya menerusi pertandingan dalam kalangan mereka. "Setiap tahun kita juga menganjurkan program gotong royong

membersihkan pulau melatkan penduduk kampung," ujarnya.

Sementara itu penyelarar program *Go Green UPM*, **Kamarul Arifin Faizal** berkata, pada peringkat awal beliau berdepan cabaran untuk mengajak mereka terlibat dalam

program berkenaan.

"Selama dua minggu saya perlu mendapat kepercayaan mereka mengenai tujuan murni program hijau ini termasuk dalam kalangan kakitangan resort sebelum menggerakkan aktiviti kesedaran mengitar semula sisa buangan, buat baja, jangan buang sampah ke laut

sesuka hati dan sebagainya," ujarnya yang akan menamatkan tanggungjawab sebagai penyelarar bagi pihak UPM selama dua tahun pada bulan ini.

Kamarul Zaman yang memegang ijazah Sarjana Muda Sains Taman Rekreasi, Fakulti Perhutanan UPM berkata, selepas dua tahun program tersebut, ia berjaya meningkatkan kesedaran bagaimana menukar nilai sampah kepada wang tunai.

-LAUPA JUNUS



HASSAN MAT

KANAK-KANAK menaiki sampan yang diperbuat daripada botol minuman plastik pada program Pemerkasaan Industri Inisiatif Go Green UPM bersama Uncle Chang's Sipadan Mabul Dive Lodge di Pulau Mabul, Semporna, Sabah. - UTUSAN/ MOHD. NOOR MAT AMIN

Alam sekitar sumbang kepada ekopelancongan

MENURUT Pengarah Pelancongan Negeri Sabah, **Awang Ahmad Zaki Abu Bakar** merupakan satu daripada destinasi pelancongan utama dunia, iaitu pada kedudukan tangga 10 teratas dalam jumlah ketibaan dan 15 teratas berdasarkan jumlah hasil pendapatan daripada pelancong asing (*global receipts*).

"Industri ini dijangka terus berkembang dengan peningkatan jumlah ketibaan pelancong dari 24 juta orang pada 2009 kepada 36 juta orang pada 2020," ujarnya.

Katanya, keupayaan industri tersebut untuk terus menjaga pertumbuhan, mewujudkan pekerjaan dan membolehkan pembangunan negara dan integrasi serantau bergantung kepada sama ada ia mengiktiraf dan menyesuaikan diri dengan perkembangan semasa dan isu

transformasi negara.

Beliau berkata, meskipun manfaat ekonomi pelancongan cukup besar, perlu difahami kesan industri tersebut terhadap alam sekitar dan komuniti setempat.

Kata beliau lagi, walaupun terdapat kesukaran untuk mengukur impak bersih pelancongan terhadap alam sekitar, pertumbuhan bilangan pelancong global memberi kesan kepada persekitaran tempatan dan masyarakat setempat.

"Ini harus dikurangkan untuk memastikan keamanan jangka panjang industri dan menyumbang kepada perjuangan menentang perubahan iklim," ujarnya.

Kata Awang Ahmad Zaki, berdasarkan *Travel and Tourism Competitiveness Report (2017)*, isu yang perlu ditangani termasuklah penggunaan air, pengurusan sisa buangan, penggunaan tenaga, serta kemerosotan tapak warisan, budaya dan alam sekitar.



AWANG AHMAD ZAKI ABU BAKAR

Menyedari hakikat itu, beliau menghargai inisiatif UPM dan Uncle Chang's Sipadan Mabul Dive Lodge yang telah bertindak proaktif memperkenalkan Go Green.

Menurutnya lagi, usaha UPM itu banyak membantu industri dan masyarakat di pulau Mabul ini.

Maka sudah tiba masanya bagi

Uncle Chang untuk memperkasa diri untuk meneruskan usaha Go Green tersebut secara mampan.

"Saya ingin menyeru pihak Uncle Chang's supaya menubuhkan sebuah Unit Go Green untuk memastikan program ini berterusan tanpa sebarang halangan.

Unit ini perlu diterajui dua pekerja khas untuk meneruskan kesemua 10 inisiatif hijau yang telah mula dilaksanakan. Sekiranya ini dilakukan, tidak mustahil bagi Uncle Chang Dive Lodge menjadi sebuah resort hijau kelak.

"Saya juga berhasrat untuk melihat Uncle Chang's Dive Lodge menjadi contoh kepada pengusaha lain di Sabah mahupun di seluruh negara.

"Ini juga sedikit sebanyak mengurangkan beban pihak

kementerian, sekali gus

memimpin industri pelancongan negara ke arah kelestarian selaras dengan Transformasi Nasional 50 (TN50) dan Dasar Ekopelancongan Kebangsaan," katanya.

Awang Ahmad Zaki berkata bahawa manual *On Job Training (OJT)* yang dicadangkan itu bukan sahaja akan diguna pakai oleh pihak operator pelancongan di Mabul, malah seluruh Sabah kelak. OJT ini boleh menjadi satu garis panduan kepada para pengusaha ke arah pencapaian industri hijau.

Katanya, secara tidak langsung OJT ini juga akan meringankan beban kerajaan dan membolehkan pengusaha untuk beroperasi secara kendiri.